



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : - KPM.100-1/3/2 Jld.9 (52)

Tarikh : 21 Ogos 2024

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 9
TAHUN 2024**

**PELAKSANAAN SURAT AKUAN IBU BAPA/PENJAGA UNTUK KEBENARAN
RAKAMAN GAMBAR/VIDEO/AUDIO MURID SERTA MEMUAT NAIK KE LAMAN
MEDIA SOSIAL BAGI PROGRAM ANJURAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga untuk Kebenaran Rakaman Gambar/Video/Audio Murid serta Memuat Naik ke Laman Media Sosial bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menyokong inisiatif institusi pendidikan bawah KPM termasuk bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) bagi mengiktiraf pencapaian dan aktiviti murid di samping melindungi privasi dan keselamatan mereka. Oleh itu, semua institusi pendidikan bawah KPM perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan sebelum merakam atau memuat naik rakaman gambar/video/audio murid ke laman media sosial institusi pendidikan KPM.

3. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 11 Tahun 2023: Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 4 Oktober 2023 bertujuan mengawal selia penggunaan media sosial oleh institusi pendidikan bawah KPM. Perkara 5.3 (vi) dalam garis panduan berkenaan selaras dengan Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, iaitu penjawat awam adalah tidak dibenarkan untuk memuat naik kandungan multimedia yang berkaitan dengan pentadbir sekolah, guru, murid, ibu bapa atau penjaga tanpa kebenaran.

4. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga untuk Kebenaran Rakaman Gambar/Video/Audio Murid serta Memuat Naik ke Laman Media Sosial bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat ini merupakan akuan ibu bapa/penjaga yang memberikan kebenaran bagi rakaman gambar/video/audio anak/kanak-kanak jagaan mereka semasa program dijalankan. Surat akuan ini juga membenarkan rakaman gambar/video/audio tersebut dimuat naik ke laman media sosial bahagian KPM, JPN, PPD dan/atau institusi pendidikan bawah KPM.

5. Surat akuan ini **sah digunakan** dalam **tempoh satu (1) tahun sahaja** dan perlu diisi semula oleh ibu bapa/penjaga bagi tahun berikutnya. Surat akuan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani **perlu disimpan oleh pihak institusi pendidikan bawah KPM bagi tujuan rekod dan rujukan.**

6. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 11 Tahun 2023: Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 4 Oktober 2023.

7. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**SURAT AKUAN IBU BAPA/PENJAGA
UNTUK KEBENARAN RAKAMAN GAMBAR/VIDEO/AUDIO MURID SERTA
MEMUAT NAIK KE LAMAN MEDIA SOSIAL BAGI PROGRAM ANJURAN
INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAGI TAHUN:**

Saya (Nama): _____

No. Kad Pengenalan: _____

Beralamat: _____

No. telefon: _____

mengaku ialah ibu/bapa/penjaga kepada murid bernama seperti di bawah:
(sila pilih mana yang berkenaan)

Nama murid: _____

Tingkatan/Darjah/Lain-
lain(sila nyatakan): _____

No. Kad Pengenalan/
MyKid: _____

Alamat Institusi
Pendidikan: _____

Saya dengan ini;

- (a) Bersetuju membenarkan pihak institusi pendidikan bawah KPM untuk mengambil rakaman gambar/video/audio anak/kanak-kanak jagaan saya bagi setiap program/majlis/aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun ini; dan
- (b) Bersetuju membenarkan institusi pendidikan bawah KPM memuat naik rakaman gambar/video/audio anak/kanak-kanak jagaan saya di mana-mana platform seliaan institusi pendidikan bawah KPM.
- (c) Mengesahkan butiran yang diberikan adalah BENAR dan FAHAM dengan perkara yang dinyatakan pada bahagian (a) dan (b).

Nota:

- 1. KPM – Kementerian Pendidikan Malaysia
- 2. Institusi pendidikan bawah KPM termasuk bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah.

Tandatangan Ibu bapa/Penjaga: _____
Nama Penuh (Huruf Besar): _____
Tarikh: _____

DISAHKAN OLEH GURU KELAS

Saya dengan ini memperakui bahawa ibu bapa/penjaga murid seperti yang dinyatakan telah menandatangani borang ini bagi tujuan di atas.

Tandatangan: _____
Nama Penuh (Huruf Besar): _____
Tarikh: _____
Cap Rasmi Sekolah: _____